

BANTUAN PRIHATIN COVID -19 OLEH KERAJAAN NEGERI SABAH

Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk memberi bantuan kepada rakyat Sabah yang terjejas akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di seluruh Sabah akibat penularan Covid-19 di negeri ini. Bantuan ini termasuklah :-

- i. Bantuan tunai secara “one off” sebanyak RM300.00 seorang kepada semua penjaja yang berdaftar dengan Pihak berkuasa Tempatan (PBT) Sabah;
- ii. Pengecualian sewa gerai kepada semua penjaja berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Sabah bagi tempoh tiga (3) bulan dari bulan Oktober hingga Disember 2020;
- iii. Pengecualian sewa rumah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan LPPB dari bulan Oktober hingga Disember 2020; dan
- iv. Pengecualian Fi Lesen Penjaja bagi tahun 2021.